

08 MAY 1997

DR MAHATHIR MAHU BN BERI TUMPUAN KEPADA PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Barisan Nasional (BN) memberi tumpuan kepada semua pilihan raya kecil yang ditandingi oleh calon-calon parti komponen BN.

"Saya minta UMNO dan semua parti komponen lain dalam BN bersatu padu dan memberi sokongan penuh kepada calon-calon parti," kata beliau sekembalinya daripada lawatan rasmi seminggu ke tiga negara Afrika di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa Menteri Kabinet. Beberapa pemimpin UMNO termasuk Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sabbaruddin Chik hadir sama.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO dan BN mahu anggota parti turut memberi sokongan kepada bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar yang dinamakan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Abu Hassan, bekas wakil rakyat kawasan Parlimen Kuala Selangor akan bertanding bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang sementara bekas wakil rakyat kawasan Permatang, Datuk Jamaluddin Adnan akan bertanding di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu ialah pada 29 Mei.

Selain pilihan raya kecil di Selangor itu, pilihan raya kecil lain yang akan ditandingi BN ialah bagi kawasan Parlimen Teluk Intan (17 Mei), kawasan Dewan Undangan Negeri Kemena, Sarawak (24 Mei dan 25 Mei) dan kawasan Dewan Undangan Negeri Repah, di Negeri Sembilan (29 Mei). --  
BERNAMA

ARA PR